

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bila bantuan bulanan RM1,000 JKM untuk golongan OKU akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah **menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu** sehingga mereka mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan ke arah hidup berdikari.

Bantuan kebajikan yang diberikan **bukan untuk menampung kos sara hidup** sepenuhnya, sebaliknya ia adalah untuk **membantu meringankan beban kewangan** yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2021, Kerajaan telah menaikkan kadar bantuan yang melibatkan empat (4) skim bantuan berkaitan Orang Kurang Upaya, Warga Emas, Keluarga Miskin. Oleh yang demikian, **kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menaikkan kadar bantuan kebajikan dalam masa terdekat.**

Kenaikan kadar skim-skim bantuan kebajikan JKJ adalah seperti berikut:

- i. Bantuan Kanak-Kanak (BKK) daripada RM100.00 kepada RM150.00 bagi seorang kanak-kanak dengan kadar maksimum RM1,000.00 sebulan satu (1) keluarga.
Kenaikan kadar ini memberi manfaat kepada 63,184 keluarga miskin dan sebanyak RM206.3 juta peruntukan telah disalurkan sehingga Ogos 2021.
- ii. Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) daripada RM350.00 kepada maksimum RM500.00 mengikut keperluan kes.
Kenaikan kadar ini telah memberi manfaat kepada 25,835 Penjaga OKU dan Pesakit Terlantar dan sebanyak RM106.8 juta peruntukan telah disalurkan sehingga Ogos 2021.

- iii. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) daripada RM250.00 kepada RM300.00.
Kenaikan kadar ini telah memberi manfaat kepada 83,929 OKU yang tidak bekerja dan sebanyak RM202.5 juta peruntukan telah disalurkan sehingga Ogos 2021.
- iv. Elaun Pekerja OKU (EPOKU) daripada RM400.00 kepada RM450.00.
Kenaikan kadar ini telah memberi manfaat kepada 92,265 OKU yang bekerja dan sebanyak RM329.6 juta peruntukan telah disalurkan sehingga Ogos 2021.
- v. Bantuan Warga Emas (BWE) daripada RM350.00 kepada RM500.00.
Kenaikan kadar ini telah memberi manfaat kepada 138,214 Warga Emas dan sebanyak RM559.2 juta peruntukan telah disalurkan sehingga Ogos 2021.

Pada tahun 2021 sehingga Ogos, seramai **513,054 penerima bantuan** telah mendapat manfaat dan sebanyak **RM1.6 bilion** peruntukan telah disalurkan kepada penerima bantuan yang layak. Penyaluran peruntukan kepada golongan OKU adalah paling tinggi berbanding golongan sasaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep pelaksanaan kenaikan kadar bantuan JKM ini adalah lebih memberi fokus kepada keperluan isi rumah dan merujuk kepada penggabungan bantuan mengikut keperluan sesebuah isi rumah yang mempunyai pelbagai kategori seperti Warga Emas, Orang Kurang Upaya, ibu tunggal yang mempunyai anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun serta pesakit kronik terlantar.

Sekiranya sesebuah isi rumah memenuhi semua kriteria yang ditetapkan, jumlah bantuan yang diterima oleh isi rumah berkenaan adalah melebihi RM1,000.00 sebulan. Contohnya sekiranya dalam sesebuah isi rumah itu terdapat seorang Warga Emas, seorang OKU yang tidak bekerja dan ibu

SOALAN NO. : 8

tunggal yang mempunyai 4 orang anak yang berumur bawah 18 tahun serta seorang pesakit kronik terlantar, jumlah bantuan yang diterima adalah antara RM1,900 sebulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Puan Nor Azrina Binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa ramai pemandiri kegunaan rumah tangga yang telah dilindungi di Masjid sebagaimana yang diwar-warkan oleh KPWKM dan Menteri Agama sebelum ini iaitu program perlindungan kegunaan rumah tangga di dua buah masjid di Wilayah Persekutuan dan berapa peruntukan KPWKM bagi program perlindungan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat prihatin terhadap kes keganasan rumah tangga yang sering diperkatakan. Antara inisiatif / intervensi yang dilaksanakan oleh KPWK bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga termasuklah menjadikan masjid sebagai pusat transit kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Dalam hal ini, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mewujudkan pusat Transit Keganasan Rumah Tangga di masjid. Inisiatif ini adalah di bawah Pelan Pengimarahannya Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan 2020-2024, dilaksanakan bagi memperluaskan fungsi masjid sebagai pusat komuniti setempat yang menyediakan pelbagai kemudahan meliputi keperluan psikososial dan rohaniah (*spiritual*).

Program berkonsepkan perlindungan segera kepada komuniti dan masyarakat setempat dalam kalangan ahli kariah masjid ini diberi kepada mangsa keganasan rumah tangga sama ada lelaki atau wanita tanpa mengira agama.

Sebanyak 12 masjid di Wilayah Persekutuan telah dipilih sebagai pusat aduan dan khidmat kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga yang memerlukan khidmat nasihat, sokongan psikologi serta kaunseling dalam usaha membina masyarakat harmoni. Manakala bagi pusat transit, mangsa boleh mendapatkan perlindungan di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Masjid Al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail (TTDI).

Di pusat transit, mangsa akan diberi kaunseling dan bimbingan rohaniah (*spiritual*) oleh pegawai masjid serta pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terlatih. Mangsa akan tinggal di asrama, diberi makan minum sepanjang berada di situ, selain disediakan set persalinan pakaian, selimut, tuala dan peralatan kebersihan diri.

SOALAN NO. : 10

Setakat hari ini, seorang **(1 orang)** pemandiri keganasan rumah tangga telah dilindungi di Masjid Wilayah Persekutuan dan tiada peruntukan yang diperuntukkan bagi program perlindungan ini.

Sekian, terima kasih.